



# MAJLIS PENYAMPAIAN TABUNG AMANAH KHAS (I-VCAP) & TABUNG AMANAH KHAS UniMAP KALI KE-7

Oleh: Pn. Noora Md. Yusoff

**Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah menganjurkan Majlis Penyampaian Tabung Amanah Khas (I-VCAP) & Tabung Amanah Khas UniMAP Kali Ke-7 tahun 2010 dengan jayanya pada 22 Januari 2011 bertempat di Dewan Serbaguna Kg. Wai.**

Majlis yang telah dihadiri oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Encik Razli Bin Ahmad, Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta pengurusan tertinggi UniMAP adalah bagi meraikan seramai 208 orang pelajar yang telah terpilih dan layak untuk menerima sumbangan.

Untuk makluman, semua penerima ini telah dinilai melalui permohonan yang diterima oleh Unit Pinjaman & Kebajikan Pelajar serta diperakukan layak oleh Jawatankuasa Pemilihan Tabung Amanah Khas yang dilantik serta diluluskan oleh Y.Bhg. Dato' Naib Canselor. Berdasarkan kepada itu, seramai 205 pelajar telah dikenalpasti layak untuk menerima sumbangan daripada Tabung Amanah Khas I-VCAP melalui pemberian dana secara one off yang diterima melalui sebuah syarikat iaitu i-VCAP Management Sdn. Bhd. berjumlah RM200,000.00. Manakala 3 orang lagi pelajar menerima sumbangan daripada peruntukan Tabung Amanah Khas UniMAP.

Y. Bhg. Dato' dalam ucapannya tempoh hari telah menyeru serta menasihati semua pelajar yang menerima sumbangan pada hari ini supaya mengambil langkah berjimat cermat serta menggunakan wang bagi perbelanjaan yang berfaedah. Y. Bhg. Dato' juga pada masa yang sama mewakili UniMAP turut mengucapkan terima kasih kepada i-VCAP Management Sdn. Bhd kerana sudi menyumbangkan dana tersebut dan berharap agar sumbangan ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang. Sumbangan dana seumpama ini amat membantu UniMAP dalam usaha membantu pelajar-pelajar yang berhadapan dengan masalah kewangan serta memerlukan bantuan sepanjang pengajian mereka di UniMAP selain kemudahan melalui peruntukan dana sedia ada melalui Tabung Amanah Khas UniMAP dan Tabung Amanah Zakat.

Kepada pihak I-VCAP Management Sdn. Bhd juga sekali lagi diucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas bantuan dana yang diberikan. Adalah diharapkan semoga hubungan dan ikatan silaturahim yang terjalin ini akan terus berkekalan dan berpanjangan di masa akan datang. Semoga pada tahun ini lebih banyak syarikat-syarikat korporat yang sudi untuk menghulurkan bantuan ataupun sumbangan bagi membantu pelajar-pelajar yang memerlukan.

